



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Semua Pembida hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Kerajaan.

1.1 Tujuan Tender

- (a) Pelawaan tender ini adalah untuk mendapatkan [[FTA(CPTPP)] Tender Membekal, Memasang, Menguji Dan Melatih Guru Peralatan Program Teknologi Pemesinan Industri Di Sembilan (9) Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan (KPM) Tahun 2026.

PERKARA	ANGGARAN HARGA JABATAN	TAKLIMAT TENDER
[[FTA(CPTPP)] Tender Membekal, Memasang, Menguji Dan Melatih Guru Peralatan Program Teknologi Pemesinan Industri Di Sembilan (9) Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan (KPM) Tahun 2026	RM16,820,000.00	• Tarikh: 12 Mac 2026 (Khamis) • Masa: 10.00 Pagi • Tempat: Secara Dalam Talian (Google Meet) • Pautan: https://meet.google.com/oys-tsgs-cog

- (b) Tawaran tender ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang:

130101 – Bidang (Peralatan Kejuruteraan Dan Mesin Pengeluaran), Sub-Bidang (Mesin, Kelengkapan Bengkel Dan Mesin Pengeluaran), Pecahan Sub-Bidang (Mesin Dan Kelengkapan Bengkel)

- (c) Perolehan perkhidmatan ini dibuat secara Tender Terbuka melalui Sistem ePerolehan (eP).

1.2 Tempoh Tender

- (a) Tempoh tender bagi perkhidmatan ini adalah selama 43 hari kalendar bermula pada 9 Mac 2026 dan tarikh tutup tender adalah pada 20 April 2026. Dokumen tender boleh dimuat turun melalui portal rasmi Kementerian Pendidikan <http://www.moe.gov.my>, e-Perolehan (Sistem eP) dan MyPROCUREMENT.
- (b) Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk (key in) ke dalam Sistem eP sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender. Cadangan Tender yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan.
- (c) Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Pembida kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Pembida dan Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.